

27/01/1999

Anwar tidak ada kuasa: Raja Aziz

Khairul Bahri Basaruddin; Anwar Husin

KUALA LUMPUR, Selasa - Pasukan peguam bela Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memulakan hujah hari ini mendakwa bekas Timbalan Perdana Menteri itu tidak mempunyai kuasa untuk mengarahkan polis Cawangan Khas (SB) mendapatkan surat penarikan balik tohmahan salah laku seksual daripada dua saksi penting pendakwa.

Saksi penting itu ialah Ummi Hafilda Ali yang menulis surat 'Salah Laku Seksual Timbalan Perdana Menteri' dan Azizan Abu Bakar yang membuat surat pengakuan bersumpah bahawa Anwar meliwatnya.

Raja Aziz Addruse, yang mengetuai pasukan pembela Anwar memberitahu Mahkamah Tinggi, bekas Pengarah SB Datuk Mohd Said Awang dan timbalan keduanya, Datuk Amir Junus dalam keterangan di mahkamah mengakui mereka hanya menerima arahan daripada Ketua Polis Negara dan Menteri Dalam Negeri.

"Tidak ada sebarang bukti yang dikemukakan di mahkamah bahawa pegawai SB ini bertanggungjawab kepada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Dalam kes ini, perlu dibuktikan tertuduh mempunyai kuasa ke atas pegawai berkenaan.

"Tertuduh perlu mempunyai kuasa dalam undang-undang untuk mengeluarkan arahan itu. Sebagai pegawai awam, tertuduh perlu mempunyai kuasa ke atas SB tetapi tertuduh tidak berkuasa berbuat demikian," katanya.

Raja Aziz mengemukakan hujah pembelaan sama ada Anwar mempunyai kes (prima facie) untuk dijawab selepas pendakwa menutup kesnya minggu lalu.

Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S Augustine Paul yang mendengar hujah itu akan membuat keputusan sama ada memanggil Anwar untuk membela diri atau membebaskannya daripada empat tuduhan pindaan rasuah.

Anwar, 52, menghadapi empat tuduhan rasuah mengikut Seksyen 2 (1) Ordinan No.22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-dua sekali.

Raja Aziz berhujah, pendakwa juga perlu membuktikan terdapat unsur tidak amanah ketika tertuduh menggunakan kedudukannya bagi tujuan rasuah seperti terkandung dalam tuduhan berkenaan.

"Perlu ada unsur rasuah sebelum pendakwa boleh membuktikan kesnya," katanya.

Berhubung pindaan tuduhan satu dan tiga, Raja Aziz berkata tertuduh tidak melanggar undang-undang ketika meminta polis mendapatkan surat penarikan balik tohmahan daripada Ummi Hafilda dan Azizan.

Katanya, Anwar tidak melakukan sebarang kesalahan ketika mengambil tindakan untuk menegakkan keadilan.

"Memalukan seorang boleh dilakukan melalui tohmahan yang benar atau palsu. Kebanyakan orang tidak mengemukakan saman malu kerana mereka ingin menggelakkan diri daripada dimalukan daripada fitnah yang telah disiarkan walaupun ia palsu.

"Mereka lebih suka jika orang bertanggungjawab itu memohon maaf tanpa menyamannya di mahkamah bagi menggelak publisiti kurang baik. Adalah tidak salah bagi seseorang yang ingin menegakkan kebenaran," katanya.

Menurut Raja Aziz, selepas pindaan tuduhan itu, semua tohmahan salah laku seksual tidak lagi disokong dengan keterangan lain dan kini ia menjadi satu tohmahan tidak berasas.

Katanya, Mohd Said dan Amir dalam keterangan mereka mengakui tertuduh dari awal lagi mempertahankan bahawa tohmahan itu adalah palsu dan meminta

mereka menyiasatnya.

Katanya, atas nasihat polis tertuduh juga membuat laporan polis berhubung tohmahan berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, tuduhan pindaan satu dan tiga gagal untuk mensabitkan kesalahan terhadap tertuduh melainkan pendakwa dapat membuktikan tohmahan itu benar.

Mengenai tuduhan pindaan dua dan empat, beliau berkata pendakwa tidak boleh menggunakan tohmahan Ummi Hafilda dan Azizan untuk mendakwa Anwar melainkan dapat dibuktikan tohmahan itu benar.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini tohmahan kedua-dua saksi pendakwa itu adalah palsu.

Raja Aziz berhujah, pendakwa sepatutnya memanggil beberapa saksi penting seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor bagi menyokong keterangan Mohd Said.

Menurutnya, Mohd Said dalam keterangannya ada menyatakan yang beliau ada menghantar laporan kepada Dr Mahathir dan Abdul Rahim pula boleh mengesahkan surat berkenaan sudah dihantar kepada Perdana Menteri.

Katanya, pendakwa juga gagal memanggil Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah dan bekas Pengarah Siasatan Jenayah, Datuk Ismail Che Ros bagi menyokong keterangan Senior Asisten Komisioner I Musa Hassan yang mendakwa beliau menerima arahan daripada Anwar.

Raja Aziz berhujah, dalam kes Anwar ini pendakwa mengemukakan keterangan secara luar biasa.

"Dalam sejarah perundangan negara ini, ini adalah kes pertama pendakwa secara terbuka datang ke mahkamah untuk mensabitkan kesalahan berdasarkan kepada bukti yang diperolehi menggunakan ugutan, kekerasan atau tipu helah," katanya.

Beliau berkata, saksi pendakwa daripada SB dengan bangganya memberitahu mahkamah mereka mendapatkan bukti daripada Ummi Hafilda dan Azizan menggunakan ugutan, kekerasan atau tipu helah.

Sehubungan itu, katanya, Ummi Hafilda dan Azizan memberi keterangan berdasarkan kepada pendekatan yang digunakan oleh SB bagi mendapatkan bukti daripada mereka.

"Kita tidak tahu nilai bukti itu. Pada pandangan saya, ia langsung tidak bernilai," katanya.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail memberitahu mahkamah, tidak ada keterangan di mahkamah menunjukkan kekerasan dan ugutan digunakan dalam kes itu.

(END)